

Saranan untuk memastikan sistem undi pos luar negara berfungsi secara berkesan

Oleh Global Bersih (Mac 2023)

Kandungan

- Latar belakang
- Cadangan
- Cadangan untuk masa hadapan- Dokumen pengundian dicetak oleh pengundi pos luar negara dan dihantar ke Pegawai Pengurus.(Undi PDF)

Latar belakang

Sejak bertahun-tahun Global Bersih (GB) telah berusaha dengan gigihnya untuk menegakkan hak pengundi di luar negara. Pada tahun 2019, GB telah menyarankan pembaharuan-pembaharuan yang diperlukan untuk melaksanakan sistem pengundian dari luar negara secara berkesan . Beberapa saranan ini yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) telah menyebabkan peningkatan ketara dalam bilangan pengundi luar negara dan pada masa yang sama, telah meningkatkan kecekapan sistem yang sedia ada.

Cadangan yang telah dilaksanakan ialah:

- Pelaksanaan Pendaftaran Pemilih Automatik (AVR)
- Penurunan umur pengundi kepada 18 (Undi 18)
- Pengenalan pendaftaran dalam talian untuk pengundi luar negara di platform Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
- Kemasukan rakyat Malaysia yang tinggal di Singapura, Thailand Selatan, Brunei, dan Kalimantan dalam sistem undi pos luar negara.
- Pemansuhan syarat untuk warga Malaysia di luar negara berada di Malaysia selama 30 hari dalam tempoh lima tahun terakhir sebelum tarikh pendaftaran.

Pelaksanaan Undi18 dan Pendaftaran Pemilih Automatik (AVR) sahaja telah menyebabkan pertambahan sebanyak 42% dalam jumlah pengundi, daripada 14.9 juta pada PRU14 kepada 21.1 juta dalam daftar pemilih untuk PRU15 di Malaysia. Ramai daripada pengundi "baru" ini akan juga mengundi sebagai pengundi luar negara.

Berkat reformasi di atas dan faktor-faktor lain yang mempengaruhi peningkatan ini, tidak dapat dinafikan bahawa jumlah rakyat Malaysia di luar negara yang berhak mengundi akan terus meningkat. Terdapat 7979 pemilih pos luar negara berdaftar untuk PRU14, dan untuk PRU15, jumlah itu melonjak kepada 48,109 yang menunjukkan peningkatan drastik sebanyak 603%.

Menurut Jabatan Hal Ehwal Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, populasi diaspora Malaysia sudah berjumlah 1,860,037 pada 2020.

PRU15 baru-baru ini telah membuktikan bahawa walaupun selepas pelaksanaan cadangan-cadangan di atas, masih terdapat keperluan untuk menambah baik sistem sedia ada. Kita perlu mencari jalan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang timbul terutamanya masalah tempoh kempen yang singkat yang

menyebabkan pengundi luar negara tidak sempat menghantar kertas undi mereka dalam masa yang diperuntukkan.

Di bawah ialah perubahan penting yang diperlukan untuk memastikan proses pengundian pos luar negara yang berkesan untuk pilihan raya akan datang. Cadangan ini adalah berdasarkan

- Cadangan Pembaharuan Pengundian Luar Negara (Global Bersih, 2019).
- Perbincangan dengan pihak berkepentingan yang berkaitan seperti pengundi luar negara, Suruhanjaya Pilihan Raya, parti politik, pihak Wisma Putra, dan NGO-NGO lain.
- Pemerhatian dan pengumpulan data dari PRU14 dan PRU15

Global Bersih juga telah membentangkan secara terperinci cadangan jangka panjang yang telah kami syorkan dalam dokumen Pembaharuan Pengundian Luar Negara kami.

Saranan untuk Suruhanjaya Pilihan Raya

- Pemanjangan tempoh kempen minimum kepada sekurang-kurangnya 21- 25 hari untuk memastikan logistik pengundian pos luar negara boleh dijalankan. Pada masa ini, keperluan minimum tujuh hari untuk hari berkempen di bawah Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 tidak menggambarkan realiti garis masa pengundian pos di luar negara, yang mustahil untuk dilaksanakan dalam tempoh minimum sebelas hari.
- Benarkan rakyat Malaysia di luar negara mendaftar sebagai pengundi pos luar negara enam bulan sebelum tarikh pilihan raya yang diunjurkan, untuk menghilangkan tekanan masa ke atas SPR dan pemohon.
- Pengesahan identiti pengundi dalam Borang 2 dibuka kepada semua individu berumur 18 keatas dan tidak terhad kepada warganegara Malaysia.
- Penyeragamam proses penghantaran undi ke luar negara yang piawai dari Pusat Pengeluaran Undi Pos kepada rakyat Malaysia di luar negara.
- Memartabatkan status rakyat Malaysia yang menetap di luar negara sebagai pengundi pos luar negara dalam undang-undang dan tidak perlu diwartakan sebagai pengundi pos bagi setiap pilihan raya.
- Pendidikan dan mobilisasi pengundi luar negara yang lebih berkesan dengan mengedarkan maklumat yang tepat dan dikemas kini menggunakan semua saluran yang wujud, terutamanya Perwakilan Luar Malaysia dan agensi yang bertanggungjawab terhadap pelajar,
- Memendekkan garis masa undian, dari semasa kertas undi dicetak sehingga ia dikembalikan kepada Pegawai Pengurus Pilihan Raya, dengan memperkenalkan lebih banyak elemen elektronik dalam proses pengundian pos, seperti dokumen pengundian PDF yang boleh dicetak oleh pengundi pos luar negara.

Untuk maklumat lanjut tentang cadangan di atas, sila klik di sini.

Saranan untuk Wisma Putra dan Perwakilan Luar Malaysia(MFM)

- Walaupun rakyat Malaysia di luar negara masih memahami dan bertutur dalam bahasa kebangsaan, mereka tidak begitu mahir dengan perkembangan pesat bahasa itu sejak beberapa tahun kebelakangan ini kerana tidak berpeluang menggunakan bahasa tersebut secara meluas. Oleh itu, terdapat keperluan untuk semua maklumat disebar dalam BM dan Inggeris untuk memastikan pemesejan yang berkesan.
- MFM hendaklah secara aktif memaklumkan/mengingatkan rakyat Malaysia di luar negara mengenai tarikh -tarikh penting yang berkaitan dengan pengundian pos.
- Alih keluar semua maklumat lapuk di laman web MFM dan memberi fokus pada penyebaran maklumat yang tepat, konsisten dan dikemas kini.
- Pegawai khas di setiap Perwakilan Luar Malaysia yang pakar dalam pengundian pos di luar negara untuk membimbing rakyat Malaysia di luar negara dan memastikan maklumat yang betul dikongsi.
- Menggalakkan lebih banyak perbincangan di kalangan diaspora mengenai hal-hal pilihan raya, cth. menganjurkan atau mengambil bahagian dalam seminar atau webinar, atau mengambil peluang di acara/majlis social untuk menyebarkan maklumat.
- Mengambil pendekatan tidak partisan dalam pendidikan pengundi luar negara.
- Mendekati pelajar Malaysia di luar negara secara khusus melalui kerjasama dengan JPA dan MARA untuk memastikan pelajar-pelajar di luar negara ini mendapat maklumat dan digerakkan untuk mengundi.
- Untuk mewujudkan persekitaran positif untuk para pelajar melibatkan diri dalam demokrasi atau aktiviti berkaitan pengundian.

Bagaimana Global Bersih boleh membantu

- Menyediakan bahan untuk digunakan oleh MFM di platform media sosial dan melibatkan MFM dalam kempen mobilisasi pengundi di seluruh dunia yang berterusan, kerana kami adalah sebahagian daripada diaspora dan boleh mengenal pasti keperluan masyarakat Malaysia di luar negara.
- Membantu MFM dalam menyebarkan maklumat di kalangan diaspora melalui acara, media sosial dan saluran komunikasi lain.

Untuk maklumat lanjut tentang cadangan di atas, sila klik di sini.

Saranan untuk Parti Politik

- Mengungkitkan isu undi pos di luar negara - terutamanya cadangan di atas kepada SPR dan Wisma Putra untuk memberi perhatian kepada isu-isu tersebut, serta memberi lebih tekanan kepada pihak SPR untuk membuat pembaharuan yang lebih pantas.
- Sertakan rakyat Malaysia di luar negara dalam kempen komunikasi sosial parti politik, khususnya mengenai keperluan mendaftar dan mengundi.

Bagaimana Global Bersih boleh membantu

- GB adalah bersifat tidak partisan dan tidak berpihak kepada mana mana parti politik, jadi cadangan ini dibuat dengan tujuan untuk membawa pembaharuan kepada proses dan bukan sebagai platform melobi untuk individu atau parti politik.
- Gb akan dapat menyediakan kandungan yang boleh digunakan oleh parti politik untuk dikongsi di media sosial sebagai sebahagian daripada kempen media sosial mereka.
- Jika ahli politik menghasilkan bahan seperti video yang menggalakkan pengundi luar negara untuk mendaftar dan mengundi, Gb boleh berkongsi dengan rangkaian di seluruh dunia.

Untuk maklumat lanjut tentang cadangan di atas, sila klik di sini.

Saranan untuk Kementerian Belia dan Sukan

- Kempen media sosial yang berterusan untuk pengemblengan belia luar negara untuk mendapat infomasi cara mengundi dan kepentingan mengundi tidak kira di mana mereka berada
- Hubungi Jabatan Perkhidmatan Awam(JPA) dan MARA(Majlis Amanah Rakyat) untuk memasukkan pendidikan pengundi sebagai sebahagian daripada orientasi untuk pelajar luar negara.
- Galakkan pelajar luar negara untuk melibatkan diri dengan diaspora tempatan untuk bertukar idea dengan mewujudkan persekitaran yang tidak memihak ke mana mana parti politik di mana para pelajar bebas menggerakkan diri mereka.
- Bekerjasama dengan 'influencer' zaman baharu seperti dalam tik tok untuk mendekati belia di luar negara agar berminat dan arif tentang pengundian pos luar negara.

Bagaimana GB boleh membantu:

- Kenal pasti keperluan belia di luar negara dan berikan maklum balas tentang apa yang diperlukan
- Menyediakan penyebaran maklumat tanpa partisan.
- Bantu untuk mewujudkan persekitaran bebas untuk pelajar terlibat dalam demokrasi atau aktiviti berkaitan pengundian.

Penutup

Semua cadangan di atas adalah penting untuk memastikan hak mengundi rakyat Malaysia di luar negara dipertahankan. Kami telah membuktikan motivasi dan semangat kami semasa dua PRU yang lalu, dan kini sudah tiba masanya suara kami didengari, dan tindakan diambil untuk memberi kami hak dalam pelaksanaan demokrasi Malaysia.

Laporan Pemerhatian PRU15 oleh Bersih baru-baru ini (dikeluarkan 10 Mac 2023) juga menggambarkan bahawa semua cadangan yang telah diusahakan oleh Global Bersih sejak beberapa tahun kebelakangan ini perlu berlaku untuk memastikan sistem undi pos luar negara yang lebih berkesan.

Mobilisasi diaspora dan memastikan rakyat Malaysia di luar negara boleh mengundi adalah selaras dengan idea masyarakat inklusif dan menghormati semua lapisan masyarakat, yang merupakan nilai teras Madani - Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan. Nilai teras ini boleh diperkukuh dengan melibatkan lebih ramai rakyat Malaysia di luar negara dan menggalakkan mereka menyumbang kepada pembangunan. Memastikan bahawa hak mengundi rakyat Malaysia di luar negara terpelihara adalah langkah positif ke arah ini.

Global Bersih bersedia untuk komunikasi lanjut mengenai perkara ini, dan kami bersedia bekerjasama untuk memastikan diaspora kita bergerak ke arah yang betul.

Global Bersih ialah sebuah NGO yang ditubuhkan di bawah Kod Sivil Switzerland. Ia bertujuan untuk menyokong usaha masyarakat sivil Malaysia untuk mengukuhkan demokrasi Malaysia yang semakin matang

Kami berhasrat untuk mencapai:

- Pelaksanaan penuh dan berkesan hak Malaysia untuk pilihan raya yang bebas dan adil
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia yang bebas dan berkesan, terutamanya dalam memantau percanggahan pilihan raya.
- Kemajuan hak asasi manusia, kedaulatan undang-undang dan demokrasi di Malaysia.

Apa yang kita lakukan

- Kami menyediakan platform global untuk suara rakyat Malaysia biasa dan masyarakat sivil untuk mendekati masyarakat antarabangsa, khususnya badan hak asasi manusia, misi diplomatik, media asing dan masyarakat sivil.
- Kami menggalakkan pertukaran idea mengenai Malaysia, di Malaysia dan luar negara untuk memberi tumpuan kepada usaha yang berkaitan dengan reformasi pilihan raya.
- Kami menggalakkan sokongan dan meningkatkan komitmen daripada rakyat Malaysia di seluruh dunia ke arah mewujudkan momentum antarabangsa yang lebih kukuh untuk pilihan raya dan demokrasi di Malaysia.
- Mobilisasi diaposra

Untuk maklumat lanjut

Global Bersih

15 Cours des Bastions

CH-1205

Geneva, Switzerland

www.globalbersih.org

facebook.com/GlobalBersih

twitter.com/GlobalBersih

tiktok.com/@globalbersih

instagram.com/global_bersih